



Headline: Pekerja kilang rugi RM4,510 diperdaya Macau Scam Language: Malay  
Scam

Publication/Portal: Sinar Harian  
Date: 8 September 2019

Section: Tengah  
Page: 30

## Pekerja kilang rugi RM4,510 diperdaya Macau Scam

**KUANTAN** - Seorang pekerja kilang kerugian RM4,510 akibat diperdaya sindiket Macau Scam kelmarin.

Mangsa berusia 31 tahun itu dihubungi individu yang mendakwa dari Mahkamah Terengganu dan memaklumkan mangsa ada tunggakan hutang kad kredit

Ketua Jabatan Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Negeri Pahang, Mohd Wazir Mohd Yusof berkata, talian telefon mangsa disambungkan kepada Inspektor Kumar yang kononnya daripada Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Terengganu.

Menurutnya, tanpa mengesyaki apa-apa, mangsa yang bekerja di Brincang, Cameron Highlands hanya mengikut arahan diberikan.

“Talian mangsa dihubungkan kepada pihak kewangan Maybank untuk menyelesaikan masalah tunggakan.

“Mangsa menyerahkan 16 digit nombor kad ATM



**MOHD WAZIR**

miliknya, nombor pin dan TAC,” katanya.

Beliau berkata, mangsa hanya menyedari ditipu selepas mendapati ada transaksi menerusi akaun Maybank miliknya.

“Mangsa menerima Mesej menyatakan RM4,510 dalam akaun miliknya dipindahkan ke akaun di atas nama Muhammad Firdaus.

“Mangsa menghubungi pihak Maybank yang memberitahu panggilan diterima adalah palsu dan satu laporan polis dibuat untuk tindakan lanjut,” katanya.